



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 17 APRIL 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	TIADA LAMBAKAN TEMBIKAI DI TERENGGANU – EXCO, BERNAMA.COM (ONLINE)	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
2.	PASAR FAMA: TERHAD 20 MINIT SEORANG, SELANGORKINI (ONLINE)	
3.	FAMA BANTU 25 PENGUSAHA TANAMAN TEMBIKAI, BERITA RTM (ONLINE)	
4.	FAMA DAN TADC BELI TEMBIKAI, METRO (ONLINE)	
5.	POLISAS TERIMA 300KG BUAH, SAYUR, HM (ONLINE)	
6.	AGROPRIHATIN BERI MANFAAT KEPADA KIRA-KIRA 27,800 PETANI DI PERAK SEPANJANG PKP, BERNAMA.COM (ONLINE)	
7.	PENJAJA DI SENDAYAN DILARANG BERNIAGA, SH (ONLINE)	
8.	LKIM GUNA PLATFORM E-DAGANG JUAL IKAN, SH (ONLINE)	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
9.	PESAWAH BERMASALAH, PADI DITANAM SEKALI SAHAJA TAHUN INI, WILAYAH, BH – 22	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
10.	PADI DIJANGKA DITANAM SEKALI SAHAJA TAHUN INI, BH (ONLINE)	
11.	JUALAN HARUM MANIS PANDU LALU, LOKAL, HM – 12	LAIN-LAIN
12.	TERPAKSA BUANG REZEKI, LOKAL, HM – 8	
13.	SELUDUP KETAM HIDUP RM400,000, LOKAL, HM - 17	

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/4/2020	BERNAMA.COM	ONLINE	

Tiada lambakan tembikai di Terengganu - Exco



BANDAR PERMAISURI, 14 April -- Petani di Terengganu tidak menghadapi masalah lambakan hasil tembikai dan masih mampu memperoleh pendapatan ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi mengekang wabak COVID-19.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa Negeri, Dr Azman Ibrahim berkata dalam tempoh itu sebanyak 3,000 tan metrik tembikai dipasarkan dengan bantuan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan anak syarikat kerajaan negeri iaitu Terengganu Agrotech Development Corporation (TADC).

"Semua hasil ini diambil oleh FAMA sama ada untuk dipasarkan ke utara atau pantai barat tanah air dan Lembah Klang," katanya kepada pemberita pada majlis penuaian dan pemasaran tembikai di Alor Tok Kabar, Kampung Nyatoh di sini, hari ini.

Dr Azman berkata harga yang ditawarkan pihak FAMA pada masa PKP ini masih mampu membawa pulangan yang baik meskipun pada harga lantai 80 sen sekilogram berbanding RM1.20 sekilogram sebelum ini.

"Petani hanya akan rugi sekiranya harga yang diambil adalah di bawah 40 sen sekilogram. Kerajaan negeri telah berusaha supaya hasil pertanian kita tidak disia-siakan meskipun petani tidak mendapat keuntungan besar seperti sebelum ini," katanya.



15 APR, 2020

Pasar Fama: Terhad 20 minit seorang

SelangorKini, Malaysia

Page 1 of 2

Pasar Fama: Terhad 20 minit seorang

KUALA LUMPUR – Pengunjung pusat jualan barangan segar terkawal Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) seluruh negara perlu mematuhi tatacara operasi piawai (SOP) ditetapkan dengan masa berbelanja dibenarkan tidak melebihi 20 minit.

Pengunjung juga perlu melepasi saringan suhu, menggunakan cecair pembasmi kuman sebelum keluar dari pusat jualan, beratur pada jarak semeter antara satu sama lain dan masuk ke kawasan parkir kereta ditetapkan.

"Dalam pematuhan pencegahan Covid-19 di 97 lokasi pusat jualan itu, jarak sosial antara gerai dilakukan dan pintu masuk serta keluar dikawal selia pihak berkuasa," menurut Fama pada 2 April lalu.

Urusan jual beli juga dibuat secara dalam talian dan tanpa tunai melalui pembayaran QR Pay dan e-dompot.

Layari portal Agrobazaar di www.agrobazaar.com.my untuk pesanan awal. – BERNAMA



15 APR, 2020

Pasar Fama: Terhad 20 minit seorang

SelangorKini, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

KUALA LUMPUR – Pengunjung pusat jualan barangan segar terkawal Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) seluruh negara perlu mematuhi tatacara operasi piawai (SOP) ditetapkan dengan masa berbelanja dibenarkan tidak melebihi 20 minit. Pengunjung juga perlu melepasi saringan suhu, menggunakan cecair pembasmi kuman sebelum keluar dari pusat jualan, beratur pada jarak semeter antara satu sama lain dan masuk ke kawasan parkir kereta ditetapkan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/4/2020	BERITA RTM	ONLINE	

FAMA bantu 25 pengusaha tanaman tembikai



SETIU, 15 April - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) memeterai perjanjian jual beli hasil pengeluaran tembikai di Alor Tok Kabar, Kampung Nyatuh di Setiu, Terengganu.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa negeri Terengganu, Dr Azman Ibrahim berkata, menerusi perjanjian tersebut, FAMA negeri membantu 25 pengusaha tanaman dengan membeli hasil pengeluaran mereka.

Perjanjian melibatkan 436 Metrik tan tembikai bernilai RM343,000 itu akan dipasarkan ke Utara Tanah air, Pantai Barat dan Lembah Kelang.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/4/2020	METRO	ONLINE	

FAMA dan TADC beli tembikai



KEBIMBANGAN peladang di negeri ini berkaitan urusan pemasaran tembikai berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) selesai hasil bantuan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

Selain FAMA, turut tampil menyelesaikan itu itu adalah Terengganu Agrotech Development Corporation (TADC).

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa negeri Dr Azman Ibrahim berkata, FAMA sudah membeli 408,290 tan metrik tembikai daripada peserta ladang kontrak.

"Ia membabitkan nilai keseluruhan RM327,269.10 dan ia berjaya membantu menyelesaikan masalah pemasaran membelunggu peladang. "Dakwaan mengatakan berlaku lambakan tembikai berikutan PKP adalah tidak berasas.

"Kerajaan negeri melalui TADC dan FAMA sudah membeli kira-kira 1,000 tan metrik tembikai sebelum pengisytiharan PKP pada Januari dan Februari lalu," katanya ditemui pada Majlis Penuaian dan Pemasaran Tembikai oleh FAMA di Alor Tok Kabar, Kampung Nyatoh di sini, hari ini.

Dr Azman yang juga Ahli Dewan Undangan negeri (ADUN) Jabi mengakui berlaku sedikit kemerosotan harga pembelian menyebabkan FAMA meletakkan harga lantai iaitu 80 sen sekilogram. Jelasnya, harga tembikai di ladang pada Januari dan Februari adalah RM1.20 sen sekilogram.

"Berdasarkan kajian, peladang tidak akan rugi jika harga bagi setiap kilogram ditetapkan pada kadar 50 sen hingga 80 sen sekilogram.

"Kebanyakan peserta mengusahakan tanaman tembikai secara berperingkat iaitu tiga kali setahun," katanya. Menurut Dr Azman, keluasan tanaman tembikai di seluruh negeri adalah kira-kira 1,000 hektar.

15 APR, 2020

Polisas terima 300kg buah, sayur

Harian Metro, Malaysia

Page 1 of 2



PENUNTUT Polisas menerima sumbangan 300kg buah dan sayur daripada Fama Pahang.

Polisas terima 300kg buah, sayur

Kuantan: Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (Polisas) Semambu, Kuantan menerima 300 kilogram (kg) pelbagai buah dan sayur di-sumbangkan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) Pahang, Ahad lalu.

Pengarah Polisas Mohamad Isa Azhari berkata, hasil pertanian segar itu diserahkan kepada pengusaha cafe yang bertanggungjawab menyediakan hidangan kepada 125 penuntut yang kini tinggal di asrama.

Menurutnya, sebahagian buah dan sayur sumbangan Fama Pahang bernilai ki-

ra-kira RM1,500 itu turut diagihkan kepada kakitangan serta felo yang tinggal dalam kawasan kampus bagi meringankan beban mereka berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) disebabkan wabak Covid-19.

Katanya, sebelum ini pihaknya turut menerima pelbagai sumbangan daripada Ahli Parlimen Indera Mahkota, syarikat swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) khusus untuk penuntut yang tidak berpeluang pulang ke kampung.

"Bantuan yang diterima memberi lebih keselesaan

kepada penuntut yang kini terpaksa berada di asrama dalam tempoh panjang berikutan PKP sejak 18 Mac lalu. Pelbagai makanan seperti biskut, bubur nasi, roti dan susu diterima penuntut.

"Saya bagi pihak Polisas mengucapkan terima kasih kepada penyumbang yang prihatin dengan kesulitan dihadapi penuntut yang berada di asrama termasuk 131 lagi di rumah sewa," katanya.

Beliau berkata, pihaknya kini menyediakan kemudahan makanan tiga kali sehari kepada penuntut.

15 APR, 2020

Polisas terima 300kg buah, sayur

Harian Metro, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Kuantan: Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (Polisas) Semambu, Kuantan menerima 300 kilogram (kg) pelbagai buah dan sayur disumbangkan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) Pahang, Ahad lalu. Pengarah Polisas Mohamad Isa Azhari berkata, hasil pertanian segar itu diserahkan kepada pengusaha cafe yang bertanggungjawab menyediakan hidangan kepada 125 penuntut yang kini tinggal di asrama.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/4/2020	BERNAMA.COM	ONLINE	

AgroPrihatin beri manfaat kepada kira-kira 27,800 petani di Perak sepanjang PKP



IPOH, 16 April -- Kira-kira 27,800 petani di Perak boleh menarik nafas lega kerana mereka tidak perlu bimbang hasil pertanian tidak terjual sehingga memaksa ia dibuang berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Pelancaran Skim Agro Prihatin Negeri Perak (AgroPrihatin) oleh Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (PPPNP) pada 6 April lepas dilihat sebagai langkah bijak kerana menerusinya hasil petani yang tidak terjual akan dibelinya.

Ketua Pegawai Eksekutif PPPNP, Yahanis Yahya berkata, sejak dilancar sehingga kini, pihaknya telah membeli kira-kira 200 tan hasil pertanian daripada petani berdaftar membabitkan kos RM350,000.

"Menerusi AgroPrihatin ini, pihak kami akan membeli hasil pertanian seperti sayur-sayuran dan buah-buahan yang tidak terjual daripada petani berdaftar dengan Jabatan Pertanian Negeri Perak, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Negeri Perak serta PPPNP.

"Pemborong masih bergerak membeli hasil pertanian. Mana-mana (baki hasil) yang pemborong tidak beli dan petani tidak dapat pasarkan itulah yang pihak PPPNP akan beli, maka tiada isu hasil pertanian tidak terjual sehingga terpaksa dibuang," katanya kepada Bernama di sini, baru-baru ini.

Menerusi AgroPrihatin, PPPNP memperuntukkan dana berjumlah RM1 juta bagi membeli hasil-hasil pertanian terutama sayur-sayuran dan buah-buahan secara tunai untuk membantu kecairan modal petani sepanjang pelaksanaan PKP.

Yahanis menjelaskan, pihaknya akan membuat pemeriksaan ke kawasan pertanian setiap petani untuk memastikan mereka yang menjual hasil adalah benar-benar petani dan bukannya pemborong.

Selain hasil pertanian, pihak PPPNP membeli hasil ternakan termasuk 340 kilogram (kg) daging kambing, 1.6 tan ayam kampung dan ikan siakap sebanyak 450kg sejak skim AgroPrihatin dilancarkan.

Hasil belian dijual kepada rakan-rakan strategik PPPNP antaranya KLK Berhad, dijual di pasar raya serta disalurkan kepada pengendali 'Central Kitchen' yang menyediakan makanan kepada petugas barisan hadapan dalam mengengkang penularan wabak Covid-19 di seluruh Perak, katanya.

Seorang pekebun sayur, Jega Manoharan berkata, skim AgroPrihatin benar-benar memberi kelegaan kepadanya kerana sebelum ini dia terpaksa menjual timun serendah RM0.40 sekilogram, tetapi kini pihak PPPNP membelinya pada harga RM0.90 sekilogram.

Manoharan, 40, yang mengusahakan kebun sayuran antaranya timun, petola dan terung di Sungai Siput Selatan dekat Kampar sejak 10 tahun lepas berkata pembayaran yang cepat juga membolehkannya membuat pusingan modal termasuk membayar gaji empat pekerja.

"Contohnya, pengeluaran timun sehari adalah tiga tan, dua tan dijual kepada pemborong tetap, manakala baki satu tan dibeli oleh PPPNP, maka saya tidak lagi risau terpaksa menanggung kerugian," katanya.

Kelegaan sama turut dirasai pengusaha tanaman limau bali atau lebih dikenali dengan nama limau tambun, Yap Chee Wai, 33, kerana dia kini mempunyai saluran untuk menjual hasil kebunnya yang terletak di Tambun.

Yap, yang mempunyai 60 pokok limau bali, berkata sejak 6 April lepas, beliau telah menjual lima tan buah sitrus itu kepada PPPNP pada harga RM2 hingga RM4, bergantung kepada saiz.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/4/2020	SINAR HARIAN	ONLINE	

Penjaja di Sendayan dilarang berniaga



tersebut.

SEREMBAN - Semua penjaja di sekitar Sendayan tidak dibenarkan berniaga sepanjang tempoh fasa ketiga Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seremban (MBS), Datuk Zazali Salehudin berkata, ini kerana Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menemui kluster baharu di Sendayan berikutan 39 orang disahkan positif Covid-19.

"Disebabkan itu, kita mengambil keputusan untuk tidak membenarkan penjaja menjalankan sebarang jenis perniagaan di sekitar Sendayan termasuk penjaja makanan kecuali mereka yang berniaga dalam premis.

"Kita bukan mahu menyusahkan penjaja, tetapi mereka perlu mengetahui bahawa tindakan itu diambil bagi mengekang penularan wabak Covid-19 di kawasan

"Kalau ada yang berniaga kita khawatir orang ramai akan keluar rumah, jadi kerajaan negeri mengambil keputusan untuk tidak benarkan semua penjaja berniaga di Sendayan," katanya kepada Sinar Harian di sini hari ini.

Bagaimanapun katanya, bagi kawasan lain, hanya penjaja makanan sahaja dibenarkan berniaga manakala penjaja yang menjual minuman, barangan basah seperti ayam, ikan, buah-buahan dan sayur tidak dibenarkan berniaga dalam kawasan MBS sepanjang tempoh PKP.

"Orang ramai dinasihatkan supaya memberi barang keperluan tersebut di pasar aya, pasar atau di pusat jualan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) bagi memastikan tahap kebersihan jualan produk tersebut sentiasa dipatuhi," katanya.

Tambahnya, mereka yang ingkar boleh dikenakan tindakan undang-undang termasuk gantung lesen dan menyita barang bagi mereka yang tidak mempunyai lesen perniagaan.

Dalam pada itu, Zazali berpuas hati dengan pematuhan orang ramai terhadap langkah-langkah kawalan keselamatan yang diambil di semua pasar basah. "Orang ramai mula akur dengan pemeriksaan suhu badan dan penjarakkan sosial yang dilaksanakan oleh anggota penguatkuasa MBS," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/4/2020	SINAR HARIAN	ONLINE	

LKIM guna platform e-dagang jual ikan



IPOH - Sebagai langkah memastikan hasil laut diedarkan secara berkesan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) mengambil inisiatif menjual ikan segar menggunakan platform e-dagang seperti Shopee.

Ketua Pengarah LKIM, Raja Kahalid Raja Ariffin berkata, langkah itu dibuat bagi membolehkan lebih ramai pengguna dapat membeli hasil laut secara dalam talian sekaligus mematuhi arahan PKP dalam usaha memutuskan rantaian Covid-19.

Menurutnya, melalui inisiatif tersebut, pengguna yang agak berjauhan dengan pasar nelayan boleh mendapatkan barangan keperluan termasuk hasil laut dengan lebih mudah di satu tempat tanpa perlu ke pasar nelayan.

"Melalui portal e-dagang seperti Shopee rantaian bekalan dan pemasaran makanan dapat dimaksimumkan seterusnya memenuhi permintaan hasil perikanan di seluruh negara.

"LKIM melalui Persatuan Nelayan juga akan menyediakan platform atas talian untuk membolehkan pelanggan membuat pesanan awal atau *WhatsApp* secara pra pesanan dan membuat bayaran terus secara *online* bagi memudahkan urusan pengambilan di pick-up point dan urusan pandu lalu di pasar-pasar nelayan terpilih," katanya dalam kenyataan media, semalam.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau berkata, LKIM juga menyarankan Persatuan Nelayan mengubah strategi jualan dan pemasaran ikan menggunakan kaedah tunai semasa terima (COD).

Menurutnya, sebanyak 44 Persatuan Nelayan di seluruh negara telah menjalankan urusan COD sepanjang tempoh PKP bagi memudahkan pembekalan ikan dan hasil laut secara terus kepada pengguna.

"Pelaksanaan ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan dari masyarakat setempat dan LKIM akan terus komited dalam memastikan pengguna mendapat bekalan ikan dan sumber protein yang mencukupi sewaktu PKP berkuatkuasa dan akan meneruskan perkhidmatan ini walaupun selepas PKP tamat.

"Dianggarkan nilai jualan COD bagi seluruh negeri berjumlah RM634,000 dengan kuantiti 59.6 metrik tan setakat 15 April 2020. Ini merupakan usaha yang sewajarnya dibanggakan kerana Persatuan Nelayan telah mengambil inisiatif memasarkan ikan secara terus kepada pengguna dalam masa sama membantu membendung penularan wabak Covid-19," katanya.

Sementara itu, Raja Kahalid menegaskan bahawa bekalan ikan di negara ini masih mencukupi sepanjang tempoh PKP dengan kedudukan semasa stok ikan dalam pasaran adalah sebanyak 185,000 tan metrik berbanding keperluan semasa sebanyak 155,000 tan metrik sebulan.

Malah katanya, jumlah keseluruhan ikan yang didaratkan di 47 Kompleks LKIM diseluruh negara sepanjang tempoh PKP bermula 18 Mac hingga 14 April lalu sebanyak 21,674 tan metrik dengan nilai RM72.62 juta iaitu purata pendaratan sehari adalah berjumlah 774 tan metrik.

Terdahulu, beliau mengadakan lawatan di Pasar Segar Terkawal di Kompleks LKIM Kuala Kurau, Parit Buntar, semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/4/2020	HARIAN METRO	LOKAL	17

Pesawah bermasalah, padi ditanam sekali sahaja tahun ini

Iltra: Musim penanaman padi di negeri ini, berkemungkinan hanya dapat dilakukan sekali saja pada tahun ini berikutan pesawah berhadapan pelbagai masalah meruncing.

Ketika ini, majoriti pesawah masih dalam proses penuliharaan berikutan cuaca kemarau yang melanda pada musim penanaman tahun lalu, yang menyebabkan kemerosotan hasil padi.

Pesawah, Khairul Amir 48, berkata akibat kemarau musim lalu, hasil tanaman padinya merudom apabila hanya mampu meraih kira-kira RM114,000 daripada sawah seluas 4.9 hektar.

Bekas yang berasal dari Kampung Gelong Rambol, Tunjang berkata, kira-kira 0.5 hektar sawahnya tidak dapat mengeluar hasil akibat petak sawah menjadi kering kerana kekurangan air dan kortakasan hujan sejak November lalu.

"Musim menanam tahun ini ditjangka petik **buat beba-**

nyakan pesawah selepas kami berhadapan pelbagai cabaran musim lalu, sehingga jalan hasil padi tidak baik modal atau se-kadar cukup makan sahaja.

"Walaupun cuaca kembali hujan **kekita ini air masih tidak** mencukupi dan kami tidak boleh memulakan proses menanam kembali menggunakan kaedah taburan bering yang tidak menjamin hasil berpetikan.

"Jika keadaan ini berterusan, kemungkinan berlaku kekurangan menanam pada musim ini dan ia akan memberi kesan kepada musim seterusnya atau kami mungkin hanya dapat menanam padi sekali saja tahun ini," katanya ketika ditemui **BH**.

Ketika ini, kebanyakan pesawah dalam proses penyelesaian masalah musim penanaman beberapa padi dan kerja membekal dan membekal petak sawah sedang giat dilakukan di kawasan taratan.

Bagi Yakoob Shaaban, 68, dari Kampung Padang Limau, berkata

proses menaibur benih padi sepatutnya sudah mula dilakukan pesawah mulai minggu ini sehingga pertengahan bulan depan.

"Namun, kita boleh lihat tiada traktor berada di kawasan sawah dan kebanyakan petak belum dibajak, malah pesawah sendiri bimbang bagi memulakan musim baharu ini.

"Memang pesawah boleh bersawah ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini, namun banyak perkara tidak dapat dilakukan kerana kami tidak boleh keluar membeli minyak atau menari benih secara bebas.

"Kami cuma mampu jernca cuaca kembali petik dan bertarp **kekita ini** menjadi kembali normal supaya musim penanaman berjalan lancar," katanya.

Difahamkan, Lunzaga Pembangunan Pertanian Muda) dalam usaha membantu pesawah berjaya termasuk memastikan sistem pengiraan mencukupi bagi kegiatan di semua kawasan taratan.



Musim menanam tahun ini ditjangka paling getir buat kebanyakan pesawah selepas kami berhadapan pelbagai cabaran musim lalu, sehingga jalan hasil padi tidak baik modal atau sekadar cukup makan sahaja.

Khairul Amir,
Pesawah

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/4/2020	BERITA RTM	ONLINE	

Padi dijangka ditanam sekali sahaja tahun ini



JITRA: Musim penanaman padi di negeri ini, berkemungkinan hanya dapat dilakukan sekali sahaja pada tahun ini berikutan pesawah berhadapan pelbagai masalah meruncing.

Ketika ini, majoriti pesawah masih dalam proses pemulihan berikutan cuaca kemarau yang melanda pada musim penanaman tahun lalu, yang menyebabkan kemerosotan hasil padi.

Pesawah, Khairul Amir, 48, berkata akibat kemarau musim lalu, hasil tanaman padinya merudum apabila hanya mampu meraih kira-kira RM14,000 daripada sawah seluas 4.9 hektar.

Beliau yang berasal dari Kampung Gelong Rambai, Tunjang berkata, kira-kira 0.5 hektar sawahnya tidak dapat mengeluarkan hasil akibat petak sawah menjadi kering kerana kekurangan air dan ketiadaan hujan sejak November lalu.

"Musim menanam tahun ini dijangka paling getir buat kebanyakan pesawah selepas kami berhadapan pelbagai cabaran musim lalu, sehingga jualan hasil padi tidak balik modal atau sekadar cukup makan sahaja.

"Walaupun cuaca kembali hujan ketika ini, air masih tidak mencukupi dan kami tidak boleh memulakan proses menanam kecuali menggunakan kaedah taburan kering yang tidak menjamin hasil berpatutan.

"Jika keadaan ini berterusan, kemungkinan berlaku kelewatan menanam pada musim ini dan ia akan memberi kesan kepada musim seterusnya atau kami mungkin hanya dapat menanam padi sekali sahaja tahun ini," katanya ketika ditemui BH.

Ketika ini, kebanyakan pesawah dalam proses persediaan memulakan musim penanaman baharu padi dan kerja membersihkan dan membajak petak sawah sedang giat dilakukan di kawasan tanaman.

Bagi Yaakob Shaaban, 69, dari Kampung Padang Limau, berkata proses menabur benih padi sepatutnya sudah mula dilakukan pesawah mulai minggu ini sehingga pertengahan bulan hadapan.

"Namun, kita boleh lihat tiada traktor berada di kawasan sawah dan kebanyakan petak belum dibajak, malah pesawah sendiri bimbang bagi memulakan musim baharu ini.

"Memang pesawah boleh ke sawah ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini, namun banyak perkara tidak dapat dilakukan kerana kami tidak boleh keluar membeli minyak atau mencari benih secara bebas.

"Kami cuma mampu berdoa cuaca kembali pulih dan berharap keadaan menjadi kembali normal supaya musim penanaman berjalan lancar," katanya.

Difahamkan, Lembaga Pembangunan Pertanian Muda (MADA) dalam usaha membantu pesawah terjejas termasuk memastikan sistem pengairan mencukupi bagi kegunaan di semua kawasan tanaman.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/4/2020	HARIAN METRO	LOKAL	12

Jualan harum manis pandu lalu



MANGGA harum manis berharga sekitar RM18 hingga RM25 bergantung kepada kualiti.

Kangar: Seorang ejen pemasaran pengurusan secara dan majlis di sini, mengambil pendekatan menjual mangga harum manis secara pandu lalu di hadapan rumahnya di Kampung Baru Syed Omar, dekat sini, selepas sering mengalami kerugian akibat buah yang dihantar menerusi perkhidmatan kurier lewat sampai kepada pelanggan.

Danial Afiq Azizi, 26, berkata situasi tersebut menyebabkan mangga harum manis yang dihantar menjadi busuk dan beliau terpaksa mengembalikannya duit pelanggan.

"Satu kilogram (kg) mangga harum manis berharga sekitar RM18 hingga RM25 bergantung kepada kualiti buah, jadi saya perlu pulangkan kembali duit pelanggan dan terpaksa menanggung kerugian apabila pembeli dari luar Perlis seperti dari Putrajaya, Kuala Lumpur dan Melaka menghubungi saya

dan menyatakan bungkusan yang diterima koyak serta jumlah buah berkurangan.

"Serik tidak mahu lagi kerugian berulang, saya mengambil inisiatif menjual mangga harum manis secara pandu lalu di hadapan rumah sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini," katanya, semalam.

Beliau berkata pada musim mangga harum manis tahun sebelum ini, beliau menjual buah tersebut terus kepada pelanggan yang datang ke kebun berkehuasan 0.2023 hektar (setengah ekar) di belakang rumahnya.

Danial Afiq berkata selepas mula menjual secara pandu lalu, sambutan daripada pelanggan amat menggalakkan dan beliau berjaya menjual lebih 100kg sehari dengan berat dua hingga tiga kilogram pada harga sekitar RM50 hingga RM70 sekotak bermula jam 1.30 tengah hari. - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/4/2020	HARIAN METRO	LOKAL	8



MOHD Amin Fuad Ramli, 27, membuang ikan malong di tepi pantai pangkalan nelayan Kampung Pengkalan Babak, Masjid Tanah berikutan pengilang bebola ikan menghentikan operasi akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). - FOTO HASSAN OMAR

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/4/2020	HARIAN METRO	LOKAL	17

Seludup ketam hidup RM400,000

Tawau: Pasukan Polis Marin (PPM) mematahkan cubaan penyeludupan ketam hidup bernilai RM400,000 dari negara jiran dalam operasi di kawasan muara sungai Tawau Lama, dekat sini, semalam.

Pegawai Pemerintah Markas Operasi PPM Wilayah Empat Tawau, Deputi Superintendan Mohd Nazari Ismail berkata, cubaan penyeludupan itu berjaya digagalkan anggotanya ketika menjalankan sondaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di

kawasan berkenaan kira-kira jam 3.05 pagi.

Menurutnya, bertindak atas maklumat risikan, pihaknya mengesan dua bot jongkong dalam keadaan mencurigakan bergerak laju dari perairan Pulau Sebatik menuju ke perairan Tawau.

"Hasil pemeriksaan mendapati kedua-dua bot jongkong terbabit membawa 250 kotak dengan setiap satunya mengandungi kira-kira 20 kilogram ketam hidup disyaki cuba diseludup masuk secara haram ke daerah ini," katanya.